

## **Laporan Persidangan/*Conference Report***

# **Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya: Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara\***

Seminar Kebangsaan yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) bersama-sama Yayasan Strategik Sosial (YSS), Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). 4 Januari 2007. Kuala Lumpur  
Laporan oleh Azrina Husin, Sivamurugan Pandian, Abdul Rahim Ibrahim, Chua Soo Yeah & Azeem Fazwan Ahmad Farouk

### **PENGENALAN**

Pada 4 Januari 2007, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) bersama-sama Yayasan Strategik Sosial (YSS), Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) dan Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan satu seminar bertajuk “Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya: Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara” di Hotel Prince, Kuala Lumpur. Seminar satu hari ini bertujuan melihat pencapaian pentadbiran YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sepanjang tiga tahun beliau menerajui kepimpinan negara serta meninjau strategi yang diperlukan oleh kepimpinan beliau bagi memperkasakan masa hadapan negara. Bagi tujuan ini, seminar ini telah mengumpul para akademik dan tokoh-tokoh daripada institusi-institusi penting negara untuk membincangkan kepimpinan Abdullah daripada pelbagai perspektif.

Seminar ini dibahagikan kepada dua sidang dan satu forum. Pembentang kertas kerja di Sidang I bertajuk “Pencapaian Tiga Tahun Pentadbiran Abdullah” ialah Profesor Madya Mohamed Fadzil Che Din (ISM), Dato’ Seri Mohamed Jawhar Hassan (ISIS), Dr. Sivamurugan Pandian (USM) dan Profesor Madya Rashila Ramli (UKM). Sidang ini dipengerusikan oleh Datuk Chamil Wariya (TV3). Sidang II yang bertajuk “Menjejaki Masa Depan Negara” menggabungkan Profesor Dato’ Abdul Rahman Embong (IKMAS, UKM), Datin Profesor Roziah Omar (UM) dan Dato’ Mohd Annuar Zaini (BERNAMA). Dato’ Profesor Syed Ahmad Hussein (USM) telah mempengerusikan sidang ini. Sementara itu forum istimewa bertajuk “Misi Nasional dan Wawasan 2020: Strategi Kesejahteraan Masa Depan Masyarakat” dipengerusikan oleh Profesor Dato’ Dzulkifli Abdul Razak (USM). Ahli-ahli panel forum ini terdiri daripada YB Senator Tan Sri Mohammad Muhd Taib (UMNO), Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas (IKIM), Dato’ Profesor Khoo Kay Kim (UM), Profesor Mahani Zainal Abidin (KPTM) dan Datuk Dr. Denison Jayasooria (YSS).

Laporan ini mengetengahkan isu-isu yang telah dibangkitkan di sepanjang seminar tersebut menurut sidang dan forum. Laporan diakhiri dengan memberi penilaian terhadap pentadbiran Abdullah sepanjang tiga tahun ini.

## SIDANG I: PENCAPAIAN TIGA TAHUN PENTADBIRAN ABDULLAH

Sidang I bertujuan melihat dan menilai pencapaian Abdullah sepanjang tiga tahun ini. Terdapat tiga perkara utama yang dibangkitkan oleh pembentang kertas kerja dalam sidang ini sama ada secara berasingan atau bersama, iaitu corak kepimpinan Abdullah, komitmennya terhadap pembangunan modal insan serta perkembangan sektor ekonomi negara.

### CORAK KEPIMPINAN ABDULLAH

Corak kepimpinan Abdullah menjadi salah satu topik utama perbincangan sidang I ini. Abdullah dikatakan telah mengamalkan gaya kepimpinan yang berbeza dengan gaya kepimpinan mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Gaya kepimpinan Abdullah dicirikan dengan amalan keterbukaan, bersifat konsultatif, menggalakkan partisipasi pelbagai pihak serta memberi lebih ruang dan otonomi kepada kementerian dan badan kerajaan untuk membuat keputusan. Tiga komponen yang menjadi asas kepada amalan gaya kepimpinan terbuka Abdullah telah dikenalpasti, iaitu konsensus, akomodasi dan partisipasi. Ketigatiga komponen ini telah membolehkan pelbagai pihak, termasuk orang awam, terlibat dalam menjayakan dasar dan program kerajaan serta penubuhan beberapa badan yang membolehkan hubungan dua-hala antara orang awam dan agensi kerajaan berlaku. Menurut Sivamurugan Pandian dalam kertas kerja beliau bertajuk, “Abdullah Ahmad Badawi: Praktis Gaya Kepimpinan Seorang Perdana Menteri” antara badan tersebut ialah *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* dan *Contractors’ Code of Ethics Compliance Monitoring Committee*. Gaya kepimpinan sebegini dipercayai datang daripada faktor dalam diri dan juga persekitaran Abdullah sepanjang penglibatan beliau dalam dunia politik. Kesannya dapat dilihat daripada dua elemen yang sering ditekankan beliau, iaitu elemen spiritual dan elemen integriti.

Walaupun gaya kepimpinan ini telah membawa hasil-hasil positif kepada negara, namun gaya tersebut juga dilihat oleh sesetengah pihak sebagai terlalu “lembut”. Malah, ada kalanya gaya kepimpinan ini telah menghasilkan pendapat yang bercanggah dan mengelirukan daripada pihak kerajaan mengenai satu isu yang sama. Gaya itu juga dikatakan telah membuka ruang untuk perbincangan isu-isu sensitif negara seperti hal-hal yang berkaitan dengan hak istimewa orang Melayu.

**PEMBANGUNAN WANITA DAN KOMUNITI SEBAGAI  
ASAS PEMBENTUKAN MODAL INSAN**

Komitmen Abdullah terhadap pembangunan modal insan dapat dilihat dengan penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang mengenalpasti institusi keluarga dan komuniti sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang baik. Menurut Rashila Ramli dalam kertas kerjanya, “Pencapaian Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi: Perspektif Governans dan Gender” objektif Pelan Integriti Nasional ini disasarkan dalam Tekad 2008 yang menekankan komitmen untuk memantapkan institusi keluarga dan komuniti serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Perhatian yang diberikan kepada golongan wanita oleh Abdullah merupakan kesinambungan daripada era-era lepas. Banyak perubahan positif yang telah berlaku di bawah kepimpinan beliau untuk kesejahteraan wanita negara ini termasuk pindaan kepada Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan dan penubuhan Jawatankuasa Kabinet untuk Kesamaan Gender pada tahun 2004. Menurut Rashila Ramli lagi pindaan ini membolehkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuat “pindaan terhadap undang-undang, peraturan dan program yang dianggap mendiskriminasikan kaum wanita”. Antara pindaan yang telah dibuat ialah menbolehkan balu kakitangan kerajaan terus menerima penceن suami mereka walaupun mereka berkahwin semula dan memberi hakmilik yang sama kepada isteri peneroka ke atas tanah rancangan yang dibangunkan bersama. Abdullah juga mengetengahkan penglibatan kaum wanita dalam sektor awam di peringkat antarabangsa dalam mesyuarat NAM yang dipengerusikan Malaysia pada tahun 2005 justeru, melahirkan *The NAM Insitute for the Empowerment of Women* (NIEW).

**SEKTOR EKONOMI DI BAWAH ABDULLAH AHMAD BADAWI**

Sektor ekonomi juga mendapat perhatian dalam seminar ini. Dasar dan program berkaitan ekonomi yang dibuat di bawah kepimpinan Abdullah dilihat secara amnya sebagai sesuai dengan tuntutan dan keadaan ekonomi negara dan dunia hari ini. Malah, dasar-dasar itu telah mendatangkan kesan positif kepada ekonomi dan kedudukan negara di peringkat antarabangsa. Jawhar Hassan dalam pembentangan beliau berpendapat bahawa kesan positif ini dapat dilihat daripada kadar pertumbuhan positif ekonomi negara, pengurangan defisit negara, imbangan perdagangan negara yang mencatatkan angka positif, peningkatan ranking daya saing Malaysia di peringkat dunia dan peningkatan indeks pembangunan manusia Malaysia.

Namun begitu, kritikan yang diberikan terhadap dasar-dasar ekonomi Abdullah seperti kelembapan iklim perdagangan, kelewatan pelaksanaan program yang telah diluluskan, masalah pengangguran, tumpuan kepada sektor pertanian yang dianggap tidak tepat pada masa kini, pengurangan perbelanjaan

kerajaan dan kegagalan menarik masuk pelaboran asing ke negara perlu diberi perhatian kerana ada kebenaran dalam beberapa kritikan itu. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama kritikan ini jangan disalahtafsir sebagai masalah yang hanya wujud di dalam kepimpinan Abdullah kerana ada beberapa masalah yang telahpun wujud dan belum diselesaikan pada era-era lepas.

## SIDANG II: MENJEJAKI MASA DEPAN NEGARA

Sidang II bertujuan melihat hala tuju kepimpinan Abdullah berdasarkan pencapaian tiga tahun beliau. Ketiga-tiga pembentang kertas kerja sependedapat bahawa 12 gagasan yang beliau gariskan menjadi landasan kepada masa hadapan negara. Selain itu, masa hadapan negara perlu dilihat dalam konteks kejayaan kepimpinan era-era lepas serta pencapaian tiga tahun beliau. Daripada sini wujud cabaran-cabaran yang perlu beliau atasi. Antara cabaran ini ialah meneruskan dan meningkatkan pencapaian beliau, menangani masalah rasuah, membangunkan modal insan yang holistik dan meningkatkan perpaduan nasional.

### MEWARISI LEGASI DAN MENERUSKAN MISI ERA LEPAS

Sebagai Perdana Menteri yang kelima, Abdullah mewarisi kejayaan keempat-empat Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Dalam masa yang sama beliau juga berada pada posisi sama ada untuk meneruskan atau memberhentikan misi dasar yang lepas. Semasa mengambilalih pucuk pimpinan, Abdullah telah memilih untuk mempertahanan dan meneruskan kebanyakan misi era lepas seperti Wawasan 2020 dengan melakukan beberapa perubahan tertentu yang secara prinsipnya tidak bercanggah dengan dasar dan misi tersebut. Daripada sudut kepimpinan pula, terdapat perbezaan yang jelas di antara beliau dengan keempat-empat pemimpin negara sebelum ini termasuk keutamaan yang diberikan kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat luar bandar, mengatasi masalah kemiskinan bandar dan menekankan dengan jelas kepentingan perpaduan nasional.

Masa hadapan negara perlu dilihat daripada sudut pengisian Wawasan 2020 oleh kepimpinan Abdullah. Selain itu, tidak kurang penting ialah isu memeta dan merancang masa hadapan Malaysia 50 tahun selepas Wawasan 2020. Usaha ini perlu dimulakan secepat mungkin bagi membina landasan masa hadapan yang kukuh dan menjamin kepentingan generasi seterusnya. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Abdul Rahman Embong dalam kertas kerja beliau bertajuk “Menjejaki Masa Depan Negara” yang dibentangkan dalam Sidang II seminar ini.

**CABARAN PERTAMA: MENERUSKAN DAN  
MENINGKATKAN PENCAPAIAN**

Tiga tahun menerajui kepimpinan negara telah membawa beberapa pencapaian yang agak membanggakan. Oleh itu, masa hadapan Malaysia yang baik bergantung kepada keupayaan Abdullah untuk meneruskan dan juga meningkatkan pencapaian beliau ini. Sebagaimana dibentangkan oleh Abul Rahman Embong lagi, Abdullah perlu mempunyai iltizam politik yang teguh, tegas, bijak dan berpandangan jauh terutamanya dalam hal meletakkan asas hala tuju negara 50 tahun akan datang. Sokongan padu daripada pelbagai pihak perlu dipertingkatkan. Sokongan Ini penting kerana beliau perlu mendapat kepercayaan rakyat khususnya bahawa beliau serius untuk mengotakkan janji beliau kepada rakyat semasa mengambilalih pucuk pimpinan dahulu. Beliau juga perlu menguasai dan memperkuatkan jentera pentadbiran. Peningkatan ekonomi dan kualiti hidup rakyat perlu dirancang secara realistik dan menyeluruh dengan mengambilkira isu-isu seperti jurang pendapatan yang semakin ketara di antara kaum, dalam kaum dan juga di antara wilayah. Sebagai parti politik pemerintah, Abdullah juga perlu memperkuatkan dan memulihkan integriti Barisan Nasional amnya dan UMNO khususnya. Malah kerjasama parti-parti komponen Barisan Nasional perlu ditingkatkan lagi. Di peringkat antarabangsa pula, Abdullah perlu mengeratkan hubungan luar negara.

Selain daripada itu, dua perkara telah dikenalpasti perlu diberi perhatian oleh Abdullah bagi meningkatkan lagi pencapaian beliau. Kedua-dua perkara ini ialah memperbetul dan menghentikan segala kesilapan, kemungkar, kesongsangan dan pembaziran yang pernah dan sedang berlaku di dalam masyarakat dan juga pentadbiran, dan menjauhi daripada melakukan kesilapan, kemungkar, kesongsangan dan pembaziran yang baru (Mohd. Annuar Zaini 2007).

**CABARAN KEDUA: MENANGANI MASALAH SOSIAL DAN  
MEMULIHARA ALAM SEKITAR**

Pembangunan ekonomi negara yang pesat membawa bersama banyak masalah sosial. Hal ini cuba ditangani oleh Abdullah sepanjang tiga tahun ini dan kesungguhan ini ditunjukkan dengan peruntukan belanjawan sektor sosial negara yang meningkat dalam bajet tahunan. Malah menangani masalah sosial seperti isu kemiskinan, pengangguran dan keruntuhan akhlak dan nilai murni masyarakat merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh Abdullah. Masalah kemiskinan luar bandar cuba diatasi melalui usaha beliau memajukan sektor pertanian yang sekali gus dilihat dapat menaikkan taraf hidup golongan petani di negara ini. Masalah penghijrahan penduduk ke bandar perlu diseimbangkan dengan strategi pembangunan perumahan bandar sebagaimana disebutkan oleh Roziah Omar dan Mohamad Zahir Zainudin dalam kertas mereka bertajuk "Strategi Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi:

Menjejaki Masa Depan Negara". Kertas kerja dibentangkan dalam Sidang II seminar ini.

Selain daripada masalah sosial, pembangunan ekonomi juga membawa kepada masalah alam sekitar. Usaha untuk memulihara alam sekitar juga perlu dititikberatkan oleh Abdullah bukan hanya kerana sumber-sumber ini dapat digunakan bagi menjana pendapatan negara dalam sektor eko-pelancongan, tetapi kerana perlu untuk kesejahteraan generasi Malaysia masa hadapan.

#### CABARAN KETIGA: MEMERANGI RASUAH

Rasuah merupakan masalah yang dihadapi negara sejak dahulu lagi dan Abdullah telah menyatakan komitmen beliau untuk memerangi dadah secara berani dan terbuka. Masalah rasuah ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam pembentangan Mohd Annuar Zaini dalam Sidang II seminar. Menurut beliau terdapat dua jenis rasuah yang telah dikenalpasti, iaitu rasuah yang dilakukan kerana terpaksa dan atas desakan hidup, dan rasuah yang dilakukan kerana mengejar kemewahan. Rasuah jenis pertama dikatakan berlaku dalam kalangan mereka yang berpendapatan rendah dengan *survival* mereka dan keluarga tidak boleh bergantung kepada gaji yang rendah manakala rasuah jenis kedua pula berlaku atas alasan menginginkan kemewahan hidup lebih daripada apa yang mereka mampu. Kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial untuk menangani masalah rasuah jenis pertama secara holistik agar kelompok ini keluar daripada kancan kemiskinan dan secara langsung menjauhi rasuah. Bagi rasuah jenis kedua pula pengawasan gaya hidup kakitangan awam perlu dilakukan.

Rasuah merupakan masalah serius dan boleh membawa kepada kepincangan masyarakat secara keseluruhan. Komitmen Abdullah untuk memerangi rasuah merupakan suatu usaha yang baik. Namun begitu, masalah rasuah tidak akan dapat ditangani sekiranya usaha beliau tidak disambut secara menyeluruh oleh setiap agensi kerajaan dan semua lapisan masyarakat. Untuk itu, Abdullah perlu meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memerangi rasuah dan meneruskan komitmen beliau untuk menangani masalah ini.

#### CABARAN KEEMPAT: MENINGKATKAN PERPADUAN NASIONAL

Selain rasuah, masalah perkauman merupakan satu lagi isu utama negara dan juga cabaran penting pemimpin negara. Abdullah berhadapan dengan masalah perkauman yang semakin ketara kesan daripada amalan-amalan tertentu. Ini termasuk amalan rundingan secara tertutup Barisan Nasional dan pengawasan perbincangan terbuka isu-isu sensitif negara. Tidak dapat dinafikan bahawa amalan ini mempunyai kesan positif tetapi daripada sudut jangka panjang amalan tersebut juga boleh membawa kepada perkara yang membimbangkan. Memandangkan perspektif perkauman menjadi kerangka perbincangan di antara

parti komponen Barisan Nasional, perbalahan di antara pemimpin-pemimpin ini seringkali menimbulkan ketegangan hubungan kaum dalam kalangan anggota masyarakat. Oleh itu, adalah merupakan cabaran utama bagi Abdullah untuk mengajak setiap pihak supaya tidak melihat sesuatu isu daripada sudut perkauman, tetapi menilainya daripada perspektif nasional. Komitmen kepada pembinaan Bangsa Malaysia perlu ditegaskan semula.

Kewujudan golongan berpendidikan dengan tuntutan-tuntutan tertentu juga perlu diambil perhatian oleh Abdullah. Kerajaan perlu sensitif dengan permintaan golongan ini yang mahukan ketelusan dan keterbukaan serta partisipasi dalam perbincangan isu-isu penting negara.

Selain daripada itu, Abdullah juga perlu menggalakkan perkembangan masyarakat sivil yang masih mempunyai peranan yang kecil di negara ini. Hal ini kerana masyarakat sivil mampu memainkan peranan aktif dalam mendidik anggota masyarakat pelbagai kaum serta menjadi “penyemak dan pengimbang” kuasa pemerintahan dan kuasa pasaran.

#### FORUM ISTIMEWA MISI NASIONAL DAN WAWASAN 2020: STRATEGI KESEJAHTERAAN MASA DEPAN MASYARAKAT

Forum istimewa ini telah mengumpulkan lima orang ahli panel daripada latar belakang yang berbeza. Oleh itu forum ini telah dapat memberikan kepelbagaiannya perspektif dalam membincangkan strategi ke arah kesejahteraan masa hadapan masyarakat Malaysia.

Senator Tan Sri Muhammad Muhd. Taib (UMNO) menekankan sokongan kabinet kepada kepimpinan Abdullah dalam keadaan di mana kewibawaan Abdullah dipersoalkan. Beliau menegaskan komitmen Abdullah untuk menyeimbangkan pembangunan modal insan dengan pembangunan fizikal negara. Anjakan pemikiran orang Melayu cuba diatasi melalui pendekatan Islam Hadhari yang mengajak kaum ini untuk melihat dan mempraktikkan Islam sebagai cara hidup dan tidak meletakkan sempadan di antara perkara dunia dan akhirat.

Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas (IKIM) melihat masalah penerangan pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat oleh golongan ulama tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kurang kefahaman mengenai pendekatan ini oleh golongan ulama itu sendiri. Isu kedudukan Bahasa Melayu juga disentuh dengan menekankan kepentingan memperkaya dan memartabatkan bahasa ini. Selain daripada itu, bidang sains tidak boleh dilihat sebagai satu bidang yang berasingan dengan agama.

Dato' Profesor Khoo Kay Kim (UM) menyentuh mengenai keadaan mahasiswa hari ini yang dilihat cepat berpuas hati dengan apa yang mereka ada, tidak

dilatih dan dicabar untuk berfikiran kreatif dan kritis, serta lebih mementingkan prospek pekerjaan daripada pencarian ilmu. Kaktangan akademik juga tertakluk dengan banyak arahan yang boleh menjelaskan kualiti pemikiran. Beliau juga menyentuh tentang pencapaian hambar sukan negara yang tidak setanding dengan peruntukan kerajaan untuk bidang tersebut.

Profesor Mahani Zainal Abidin (KPTM) melihat pengstruktur semula ekonomi negara yang dilakukan Abdullah adalah perlu kerana tuntutan ekonomi global dan juga tahap pembangunan ekonomi Malaysia hari ini. Sektor servis perlu dilihat sebagai sektor yang memerlukan keupayaan tinggi dan mampu menjana ekonomi negara seterusnya. Pendapatan rakyat perlu meningkat seiring dengan pembangunan ekonomi kerana ini akan memastikan kualiti hidup rakyat tidak tergugat.

Datuk Dr. Denison Jayasooria (YSS) membincangkan tentang masalah kemiskinan yang mendapat perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan daripada sudut implementasi program-program yang telah dikenalpasti. Kerajaan perlu mengenalpasti komuniti yang bergelut dalam kemiskinan tanpa mengira kaum, agama, negeri dan parti politik yang disokong, dan merancang program yang bersesuaian dengan komuniti ini. Kemiskinan bandar perlu diambil perhatian oleh kerajaan dengan membangunkan golongan berpendapatan rendah supaya mereka tidak terjebak dengan gejala sosial.

## KESIMPULAN

Tempoh tiga tahun merupakan satu tempoh yang singkat untuk mengukur atau menilai kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi apatah lagi untuk membandingkan era pemerintahan beliau yang masih singkat ini dengan era-era pemerintahan lepas, terutamanya dengan era Tun Dr. Mahathir Mohamad. Namun tuntutan sistem demokrasi memerlukan penilaian ini dibuat. Secara umum, tempoh tiga tahun ini melihat Abdullah mengekalkan banyak dasar dan misi era lepas dengan membuat perubahan kepada pendekatan perlaksanaan dasar dan misi tersebut yang tidak bercanggah dengan objektif asal. Tindakan ini dapat dilihat dengan pengekalan Wawasan 2020. Selain itu, pembangunan masih kekal menjadi nadi utama kepimpinan beliau dengan meletakkan Islam Hadhari sebagai kerangka agenda pembangunan negara.

Tempoh tiga tahun ini juga telah membawa beberapa kejayaan dan perubahan yang mempunyai impak yang agak besar kepada masyarakat Malaysia. Kebanyakan kejayaan dan perubahan ini datang daripada corak kepimpinan Abdullah yang lebih terbuka, tidak terpusat dan lebih bersifat konsultatif. Antara kejayaan beliau ialah menggalakkan partisipasi pelbagai pihak dalam membuat keputusan dan perancangan negara, membolehkan

hubungan dua hala antara orang awam dan institusi kerajaan, memberi perhatian serius terhadap pembangunan modal insan yang holistik, memodenkan sektor pertanian negara dan meningkatkan nilai tambah ekonomi negara.

Sama seperti pemimpin-pemimpin yang lepas, Abdullah juga tidak lari daripada cabaran-cabaran yang perlu beliau tangani. Antara cabaran yang beliau hadapi merupakan cabaran yang juga dihadapi oleh kepimpinan lepas termasuk menangani isu perkauman yang semakin ketara dalam kalangan rakyat. Selain itu masalah rasuah juga telah lama wujud dan menjadi semakin membimbangkan di negara ini. Dasar dan pendekatan yang beliau ambil yang dilihat telah lari daripada misi kepimpinan lepas juga merupakan cabaran yang perlu beliau pertahankan. Ini termasuk keputusan beliau untuk memberi tumpuan membangun dan memodenkan sektor pertanian negara yang dianggap sesetengah pihak sebagai langkah yang tidak tepat dengan keadaan masa dan peredaran zaman. Langkah menguruskan perbelanjaan kerajaan dengan lebih jimat dan konservatif juga perlu dipertahankan daripada dilihat sebagai sebab suasana lembab ekonomi negara. Komitmen beliau terhadap masalah rasuah perlu ditekankan semula kerana dikatakan telah mula hilang daripada agenda utama beliau. Selain itu, Abdullah juga perlu mengawal corak kepimpinan yang dianggap “lembut” ini daripada diambil kesempatan oleh sesetengah pihak untuk membangkitkan perbincangan perkara-perkara yang diklasifikasikan sebagai “isu sensitif negara”.

Abdullah berada di persimpangan sejarah yang penting memandangkan kepimpinan beliau meletakkan asas kepada hala tuju negara 50 tahun akan datang. Oleh itu, beliau perlu menangani cabaran-cabaran tersebut dengan bijak serta meningkatkan lagi kejayaan beliau untuk membawa Malaysia lebih ke hadapan.

#### NOTA

Laporan ini disediakan dengan merujuk kepada Laporan Seminar Kebangsaan “Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya” Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara” yang telah disediakan terlebih dahulu selepas seminar tersebut selesai.

Azrina Husin,  
Sivamurugan Pandian,  
Abdul Rahim Ibrahim,  
Chua Soo Yean,  
Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 USM  
Pulau Pinang  
Malaysia.